

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan usaha Kerajaan terdahulu untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dan mewajibkan budi bicara hakim dalam jenayah-jenayah yang melibatkan hukuman mati.

**JAWAPAN: [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori sebagaimana syor Jawatankuasa Khas Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori memerlukan penelitian mendalam oleh Kerajaan sebelum keputusan berkaitan perkara ini dibuat. Semua syor Jawatankuasa tersebut iaitu hukuman alternatif terhadap hukuman mati mandatori dan syor penambahbaikan sistem keadilan Malaysia untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang sedang diperhalusi.

Sebarang perubahan dasar berhubung dengan hukuman mati ini akan mengambil kira keperluan dan kemaslahatan rakyat secara keseluruhannya. Ini termasuklah aspek berkaitan pencegahan jenayah, kesan yang dialami oleh keluarga mangsa serta kesedaran kepada masyarakat awam.

Sekian, terima kasih.